

Tiga sungai tercemar kini pulih

SEREMBAN - Tiga sungai iaitu Sungai Papar di Sabah, Sungai Pengkalan Chepa di Kelantan dan Sungai Kinta di Perak kini sudah pulih daripada pencemaran selepas dimasukkan dalam Program Satu Negeri Satu Sungai yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Pengarah Bahagian Lembaga Sungai dan Pantai JPS, Datuk Ong Siew Heng berkata, sungai-sungai tersebut diserap ke dalam program berkenaan dalam usaha memulihkan sungai yang tercemar di setiap negeri.

Katanya, ketiga-tiga sungai tersebut kini berada di tahap kebersihan yang memuaskan lebih awal berbanding sasaran pada tahun 2015 seperti yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Ketiga-tiga sungai tersebut sebelum ini tercemar dengan teruk tetapi kini ia ber-

jaya dipulihkan dan bertukar wajah menjadi sungai yang bersih, hidup dan vibran," katanya selepas majlis perasmian Pusat Informasi Sungai Temiang di Jalan Tun Dr. Ismail di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perlindungan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan, Datuk V. S. Morgan.

Turut hadir Pengarah JPS negeri, Hashim Osman.

Jelas Siew Heng, Program Satu Negeri Satu Sungai yang dilancarkan pada 2005 bertujuan memulihkan sungai-sungai yang tercemar di seluruh negara.

"Dalam program ini, setiap kerajaan negeri perlu memilih satu sungai tercemar untuk dibersihkan dan dipulihkan.

"Program ini menetapkan tahun 2015 sebagai sasaran supaya semua sungai yang disenaraikan ini bebas daripada pencemaran," ujarnya.